

06/09/2001

Singapura perlu ikut syarat, rentak Malaysia

BEBERAPA isu utama yang belum selesai membabitkan Malaysia dan Singapura, bukanlah sesuatu yang terlalu sukar untuk diputuskan. Kemungkinannya semua isu itu menjadi sukar akibat permintaan yang tidak seimbang apabila Singapura tidak dapat membezakan bahawa mereka lebih memerlukan daripada Malaysia. Sekiranya Singapura berasaskan Malaysia mempunyai kuasa dominan dalam membuat keputusan, ia perlu mengikut syarat, rentak dan kehendak negara ini. Hasil pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew, kelmarin memberi harapan cerah bahawa isu tertangguh membabitkan kedua-dua negara itu, mudah dirungkaikan. Apa pun, sebarang implikasi undang-undang perlu diuruskan terlebih dahulu, sebelum segala-galanya boleh dimeterai sebagai dokumen perjanjian.

Boleh dikatakan hampir semua isu tertangguh itu memerlukan ihsan Malaysia sama ada ia berkaitan sumber yang dihasilkan di negara ini atau harta dan wang rakyat Malaysia yang masih berada di Singapura. Republik itu yang amat memerlukan isu yang membabitkan pembelian air dari Malaysia untuk kegunaan rakyatnya serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udaranya diselesaikan secepat mungkin. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) dan tanah milik KTM Berhad di republik itu tidak sepatutnya menjadi isu kerana kedua-duanya adalah milik pekerja dari Semenanjung Malaysia dan syarikat milik kerajaan negara ini. Jika syarat pengeluaran wang rakyat negara ini pun sukar dilonggarkan, bagaimana Singapura boleh mengharap isu-isu lebih besar yang membabitkan kepentingan Malaysia boleh diberi dengan mudah? Cadangan pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor tidak memerlukan polemik kerana ia tetap menguntungkan republik itu.

Dalam konteks penjualan air, Singapura perlu menerima hakikat bahawa persetujuan Malaysia adalah berasaskan kepada semangat setiakawan. Malaysia akur bahawa air adalah suatu komoditi yang diperlukan manusia. Tetapi dengan Malaysia mahu menyediakan bekalan air ke Singapura, republik itu tidak seharusnya mempersendakan kejujuran Malaysia untuk meraih keuntungan pula darinya. Apa-apa keuntungan yang diraih oleh republik itu dari bekalan air Malaysia sepatutnya menjadi milik Malaysia atau sekurang-kurangnya dikongsi bersama. Inilah sepatutnya menjadi prinsip air negara ini terus dibekalkan ke republik itu.

Kadar harga penjualan air mentah sekarang ini telah dipersetujui dinaikkan dari tiga sen kepada 45 sen bagi setiap 1,000 gelen, tetapi apakah harga itu terus berkekalan sehingga tahun 2061? Apakah dalam tempoh 60 tahun lagi itu nilai 45 sen tidak menurun? Malaysia juga telah memberikan suatu konsesi yang besar apabila bersetuju untuk terus membekalkan airnya kepada republik itu selepas 2061 apabila perjanjian sekarang tamat. Menurut Lee, Malaysia akan membekalkan sejumlah 100 juta gelen air mentah sehari pada kadar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen dengan harga itu dikaji setiap lima tahun, selain 250 juta gelen lagi air yang ditapis sehari. Pemprosesan air itu akan diusahakan secara usaha sama. Ini tentunya suatu konsesi yang besar yang telah diberikan Malaysia. Singapura perlu menerima hakikat bahawa sumber air didatangkan dari negara ini.

Bagi penggunaan ruang udara Malaysia pula, jaminan mengikut perundangan termasuk segala syarat kawalan bunyi, ketinggian penerbangan dan sebagainya perlu dipersetujui terlebih dahulu, kerana ia memberi kesan kepada Malaysia. Malah, republik itu perlu dikenakan konsesi kerana

menggunakan kawasan di luar milik negara itu. Singapura perlu menerima hakikat bahawa keluasan republik itu tidak melayakkan mereka menggunakan pesawat canggih sama ada untuk tujuan penerbangan atau latihan tanpa memasuki ruang udara orang lain.

(END)